

3766/2
Perniagaan
Kertas 2
Ogos
2021
2 ¼ jam



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2021

ANJURAN

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

SET 2

PERNIAGAAN SPM

Kertas 2

Dua jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C***
2. *Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib dalam **Bahagian C**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam helaian kertas yang disediakan/ dibenarkan bawa masuk*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
7. *Tuliskan nama anda pada kertas peperiksaan ini. Semua kertas peperiksaan dan jawapan hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir peperiksaan.*

Modul ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana *lima* soalan.

1 (a) Jelaskan tujuan kewujudan Organisasi Bermotifkan Untung (OBU). [3 markah]

(b) Pernyataan di bawah berkaitan dengan sebuah perniagaan.

KILANG KEK RIANG RIA SDN BHD

Jelaskan sektor yang diceburi oleh perniagaan di atas. [3 markah]

(c) Dialog di bawah menunjukkan sejenis gaya pengurusan oleh seorang majikan.

Encik Yaacob: Saya ingin memohon cuti minggu depan selama 2 hari
Encik Ramlee: Saya tidak meluluskan cuti awak kerana semua cuti telah dibekukan. Saya mahu semua pekerja bekerja lebih masa bagi mencapai sasaran pengeluaran bulan ini.

Huraikan gaya pengurusan yang diamalkan [4 markah]

2 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Pandemik Covid-19 menyebabkan negara mengalami kemelesetan ekonomi kerana banyak sektor perniagaan tidak dapat beroperasi.

(a) (i) Apakah jenis pengangguran tersebut? [1 markah]

(ii) Jelaskan cara kerajaan mengatasi pengangguran di 2(a)(i). [5 markah]


(b) Terangkan kesan perubahan persekitaran perniagaan dari aspek pasaran. [4 markah]

- 3 (a) Situasi dibawah berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sedikit sebanyak merencatkan perniagaan Kilang Minuman Rose milik Encik Fakrul. Bilangan pekerja dan masa beroperasi terpaksa dihadkan seperti dalam SOP. Oleh itu Encik Fakrul terpaksa menambah bilangan mesin yang canggih bagi meningkatkan pengeluarannya.

Terangkan faktor luaran yang memberi kesan perniagaan Encik Fakrul dalam [6 markah]
mengubah visi misi dan objektif perniagaan.

- (b) Rajah 1 menunjukkan peratusan syer pasaran bagi pusat tuisyen di Sungai Petani, Kedah.



Rajah 1

Jelaskan syer pasaran Pusat Tuisyen Gemilang

[4 markah]

- 4 (a) Gambar 1 menunjukkan satu bahagian fungsian



Gambar 1

Terangkan peranan bahagian fungsian tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan peniaga berinteraksi dengan pihak pembekal. [3 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan

Kilang Kayu Jati Berhad telah menyediakan Standard Prosedur Operasi (SOP) untuk menjaga keselamatan pekerjaanya.

Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia di atas.

[3 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat pengiklanan.

Syarikat Creative Multimedia Sendirian Berhad

- Kamera dan peralatan perfileman
- Pereka grafik
- Peralatan komputer
- Iklan dihasilkan syarikat

Bagaimanakah pengurusan sumber fizikal berkait dengan sumber teknologi?

[6 markah]

- (b) Mengapakah peniaga memilih overdraf sebagai sumber pembiayaan perniagaannya?

[4 markah]

- 6 (a) Jelaskan keberuntungan perniagaan kepada usahawan? [4 markah]
- (b) Mengapakah keupayaan membina jenama menjadi salah satu kekuatan diri usahawan? [3 markah]
- (c) Gambar 3 menunjukkan sebuah entiti perniagaan.



Jelaskan prosedur pendaftaran perniagaan tersebut.

[3 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana *dua* soalan daripada bahagian ini.

- 7 (a) Dialog berikut berkaitan klasifikasi saiz sebuah perniagaan.



Terangkan cabaran perniagaan di atas?


[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi di Negara M.

Negara M telah mengalami masalah ekonomi yang menjadi semakin tenat. Harga barang dan perkhidmatan menurun secara berterusan untuk tempoh dua tahun. Faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku termasuklah faktor permintaan jatuh disebabkan oleh penduduk meramalkan harga barang dan perkhidmatan akan terus jatuh. Pembeli memilih untuk menangguhkan pembelian.

- (i) Apakah masalah ekonomi yang berlaku di negara M? [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah kerajaan di negara M dapat mengatasi masalah ekonomi tersebut? [7 markah]

- 8 Gambar 2 menunjukkan suasana mesyuarat pengurusan dalaman di Syarikat Azam Corporation.



- (a) Jelaskan kegunaan penyata kewangan kepada pihak yang berkepentingan di dalam gambar di atas. [6 markah]
- (b) Maklumat berikut diambil daripada Penyata Kewangan sebuah perniagaan:

	30 Jun 2021
	(RM)
<u>Jualan Bersih</u>	4750
<u>Kos Jualan</u>	2470
<u>Untung Kasar</u>	2280
<u>Jumlah Belanja</u>	1750
<u>Untung Bersih</u>	530
<u>Kenderaan</u>	580
<u>Bangunan</u>	654
<u>Stok Akhir</u>	876
<u>Akaun Belum Terima</u>	1185
<u>Akaun Belum Bayar</u>	501
<u>Overdraf Bank</u>	621
<u>Modal Awal</u>	1644

Hitungkan:

- (i) Peratusan Untung Tokokan [3 markah]
- (ii) Peratusan Pulangan Atas Modal [3 markah]
- (iii) Nisbah Semasa [3 markah]

9 Maklumat berikut berkaitan sebuah syarikat pengeluaran perabot

Syarikat Perabot Zaman Sdn Bhd telah ditubuhkan oleh Zamri bersama 2 rakan karibnya iaitu Amran dan Nazri. Syarikat beroperasi di kawasan perindustrian Sungai Lalang, Sungai Petani Kedah mengeluarkan perabot berasaskan kayu getah. Zamri telah dilantik sebagai Pengurus Besar, manakala Amran bertanggungjawab sebagai Pengurus Kewangan dan Pemasaran serta Nazri sebagai Pengurus Operasi dan Pentadbiran. Amran dan Nazri masing-masing dibantu oleh dua orang penyelia mengikut fungsian dan syarikat mempunyai 60 orang pekerja yang dibayar gaji berpatutan.

Perniagaan mereka kini semakin berkembang, Zamri bercadang untuk meluaskan pasaran ke negara Jepun tetapi menghadapi kesukaran untuk mempromosikan produknya di sana. Bagi merealisasikan hasrat mereka, Amran cuba mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan berkaitan.

- (a) Dengan menggunakan lakaran struktur organisasi, jelaskan kegunaan struktur tersebut kepada Syarikat Perabot Zaman Sdn.Bhd. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah Syarikat Perabot Zaman Sdn.Bhd. menentukan sistem penggajian pekerja mereka? [5 markah]
- (c) Cadangkan agensi kerajaan yang boleh membantu Syarikat Perabot Zaman Sdn.Bhd. Kemukakan alasan anda. [4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

- 10 Thorbaik Sate merupakan perniagaan yang mengeluarkan sate sejuk beku dan dimiliki Encik Nazril bersama Encik Airil secara perkongsian di Kulim, Kedah. Perniagaan ini beroperasi sejak 3 tahun lalu dan kini mempunyai 55 orang pekerja tetap serta jualan tahunan sebanyak RM 410,000. Pada awal perniagaan, mereka hanya memasarkan sate sejuk beku kepada penduduk di sekitar negeri Kedah sahaja namun kini Thorbaik Sate telah berjaya menembusi pasaran sehingga ke negeri Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

Pada minggu lepas, Encik Ikram pengurus Hotel Sejati yang merupakan sahabat lama mereka telah datang ke kedai Thorbaik Sate untuk membuat pembelian. Encik Ikram sangat berbangga dengan perkembangan perniagaan dua orang sahabatnya, namun sebelum pulang beliau membuat sedikit teguran apabila melihat sijil perakuan pendaftaran perniagaan tidak dipamerkan. Beliau mengingatkan Encik Nazril dan Encik Airil agar berbuat demikian kerana ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai usahawan.

Permintaan yang semakin meningkat menyebabkan Encik Nazril dan Encik Airil bercadang meningkatkan operasi perniagaan Thorbaik Sate. Mereka kini mencari sumber pembiayaan yang sesuai dipohon sebagai modal tambahan. Encik Nazril kemudiannya telah membaca dua tawaran iklan seperti berikut :

SPiM
SKIM PEMBIAYAAN
PENINGKATAN PERNIAGAAN

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

- Pembelian harta tetap (mesin/peralatan)
- Usaha-usaha premis perniagaan
- Modal Pusingan

KELAYAKAN PEMOHON

- Warganegara Malaysia bertaraf Bumiputera yang berusia 18 tahun ke atas.
- Bergalaman/berpengalaman dalam bidang perniagaan yang disebut.
- Mempunyai lesen/permil/surat kebenaran daripada pihak berkuasa untuk menjalankan perniagaan tersebut.
- Dapat menyumbangkan modal sendiri tidak kurang 10% daripada kos projek.
- Usahawan hendaklah melabatkan diri sepenuh masa dalam perniagaan.

HAD PEMBIAYAAN

- Syarat Mikun Tunggal/Perkongsian : RM 250,000.00
- Syarat Sendirian/Berhad : RM 500,000.00

JAMINAN

Berpendapatan tetap bulanan tidak kurang 3% daripada jumlah permohonan pembiayaan

ATAU

CAGARAN TANAH

Nilai Paksa Jualan Tanah (Forced Sale Value) sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah permohonan pembiayaan

KADAR KEUNTUNGAN

Tawaran A

Maybank

Memenuhi permintaan pelanggan anda.

Berkembang dengan bantuan pembiayaan yang anda perlukan.

Pembiayaan Mikro PKS

Maklumat lanjut >

Tawaran B

Encik Nazril lebih tertarik dengan tawaran A. Namun Encik Airil berpendapat mereka perlu berfikir dengan lebih mendalam sebelum membuat keputusan.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Saiz operasi yang semakin besar menyebabkan Encik Nazri dan Encik Airil semakin sibuk. Mereka mengakui tidak sempat untuk menjalankan aktiviti pemasaran dengan baik. Mereka bimbang keadaan ini boleh menyebabkan permintaan sate sejuk beku akan mengalami pengurangan jualan. Oleh itu mereka bersetuju untuk mengambil seorang pekerja baharu bagi mengisi jawatan pengurus pemasaran.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Terangkan saiz dan skala perniagaan Thorbaik Sate setelah 3 tahun beroperasi. [4 markah]
- (b) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Thorbaik Sate sebagaimana yang ditegur oleh Encik Ikram. [5 markah]
- (c) Sejauh manakah anda bersetuju dengan cadangan Encik Nazril dalam mendapatkan sumber pembiayaan? [5 markah]
- (d) Bagaimanakah pekerja baharu dapat membantu meningkatkan permintaan sate sejuk beku? [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT